

SOALAN NO. 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR.MAKIN@MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]

TARIKH : 9 JUN 2014

SOALAN :

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) bilakah laporan RCI (Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menangani masalah pendatang tanpa izin di Sabah) dapat disiap dan dibentangkan; dan

- (b) apakah sebab dan kekangan yang menyebabkan laporan tersebut lambat disiapkan dan apakah rekomendasi penuh suruhanjaya tersebut dapat dilaksanakan oleh Kerajaan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan, Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah (RCI Sabah) yang ditauliahkan pelantikannya oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 21 September 2012 dan berakhir pada 22 Mei 2014 telahpun menyiapkan laporan hasil siasatannya. Suruhanjaya ini juga telah selesai mempersembahkan laporan siasatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada **14 Mei 2014** selaras dengan Tauliah penubuhan Suruhanjaya ini untuk menyerahkan laporan lengkap setelah siasatan selesai diadakan. Dalam hubungan ini, tidak timbul isu berkaitan kelewatan laporan tersebut disediakan oleh pihak Suruhanjaya.

Sehubungan dengan itu, dengan penyerahan laporan tersebut kepada pihak Kerajaan maka segala usul atau cadangan yang telah dikemukakan di dalam laporan tersebut kini terserah kepada budi bicara Kerajaan untuk mempertimbangkan serta melaksanakannya termasuk untuk membenarkannya menjadi tatapan umum.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 09.06.2014 (ISNIN)

TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan penyeludupan barang bersubsidi seperti gula, minyak diesel dan gas. Penggunaan nanotag dalam mengenalpasti minyak bersubsidi juga tidak menunjukkan sebarang kesan yang positif. Berapakah yang telah diperuntukkan untuk menyelesaikan masalah penyeludupan barang bersubsidi.

Tuan Yang Dipertua,

Barang-barang keperluan pengguna seperti gula, minyak diesel dan gas di bawah kawalan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan adalah bagi pengedaran dalam Negara sahaja. Bagi memperkemaskan lagi kawalan, Kementerian telah melaksanakan langkah-langkah untuk mengatasi penyeludupan barang kawalan tersebut:

1. Di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menyenaraikan sebanyak **22 barang** bagi memastikan bekalan barang tersebut sentiasa mencukupi di pasaran dan untuk pengedaran dalam Negara sahaja. Daripada jumlah tersebut hanya **tepung gandum, minyak masak, petrol, diesel dan LPG yang diberikan subsidi oleh Kerajaan** bagi memastikan harganya barang tersebut berpatutan.

2. Kementerian sentiasa menjalankan **tugasan pencegahan di kawasan sempadan** serta telah mewujudkan beberapa mekanisme untuk mengawal ketirisan minyak bersubsidi di stesen. Antara lain, semua pengusaha stesen **di larang menjual minyak petron RON 95 kepada kenderaan berpendaftaran asing** kecuali motosikal dan dibenarkan membeli minyak petrol RON 97 tanpa had kerana harganya dijual mengikut harga pasaran. Manakala

hanya 20 liter diesel dibenarkan menjual kepada kenderaan asing di stesen minyak dalam lingkungan 50 km dari sempadan. Notis larangan juga dipamerkan di semua stesen minyak seluruh Negara.

3. Antara **langkah-langkah lain** yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- i. **mewartakan barang kawalan** tepung gandum, minyak petrol RON95, minyak diesel dan gas petroleum cecair **sebagai barang Larangan Eksport** di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011 berkuatkuasa tahun 2011;
- ii. mulai 1 Jun 2014, Kementerian telah mengenakan kuota jualan bagi petrol RON 95 ke atas stesen-stesen minyak dalam radius 25 km dari sempadan negara di Negeri Kelantan dan peluasan pelaksanaan arahan ini ke negeri lain yang bersempadan dengan negara jiran sedang dikaji; dan
- iii. mengadakan **kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan** lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pasukan Gerakan Am (PDRM), Unit Pencegah penyeludupan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Angkatan Tentera Malaysia.

4. Projek Penandaan Diesel Bersubsidi (PPDB) telah dilaksanakan oleh Kerajaan bermula pada 1 April 2006 dengan tujuan bagi menangani isu ketirisan diesel bersubsidi. Pada 31 Mac 2011 perkhidmatan ini ditamatkan setelah tempoh perjanjian pelaksanaan PPDB berakhir pada Mac 2011. Pada masa ini, penandaan diesel ini telah dihentikan oleh kerana perkhidmatannya telah berakhir setelah tamat tempoh kontrak.

5. Setelah Projek Penandaan Diesel Bersubsidi (PPDB) berakhir pada 31 Mac 2011, tiada kelulusan bagi peruntukan khas diperuntukkan untuk meneruskan penandaan diesel bersubsidi. Pada waktu yang sama, Kerajaan tetap komited dalam memberi perhatian dan sedang giat meneliti dan menilai langkah-langkah yang sesuai bagi menangani isu sindiket menjual diesel subsidi.